

# Penghargaan Antarabangsa buat Naib Canselor UniMAP



Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis sekali lagi menerima pengiktirafan antarabangsa dan kali ini daripada Kongres Canselor dan Naib Canselor Sedunia di Mumbai, India. Beliau dianugerahkan *Awards for Outstanding Contribution* di atas sumbangan beliau yang luarbiasa kepada bidang pengajian tinggi terutamanya di peringkat global.

Anugerah tersebut telah disampaikan oleh pengasas Kongres Canselor dan Naib Canselor Sedunia iaitu Dr. R.L. Bhatia semasa majlis makan malam bersempena Persidangan Kongres Canselor dan Naib Canselor Sedunia yang bertempat di Hotel Taj Lands End Mumbai, India. Majlis yang penuh prestij tersebut turut disertai oleh 50 ketua-ketua dan pengurusan tertinggi universiti dari serata dunia.

Datuk Prof. Dr. Kamarudin menyatakan bahawa penghargaan tersebut sangat bermakna bagi dirinya kerana beliau telah mengabdikan seluruh keringat dalam perjuangan memartabatkan pengajian tinggi amnya dan membangunkan UniMAP khususnya. Beliau juga melahirkan rasa terharu di atas semangat dan kekuatan warga UniMAP seluruhnya dalam membangunkan universiti dan berharap semangat dan usaha sedemikian dapat diteruskan bagi memastikan nama UniMAP tidak luntur di persada dunia.

Pada masa yang sama, delegasi UniMAP turut mengadakan perbincangan dengan University of Daffodil Bangladesh yang diwakili oleh Prof. Dr. Sabur Khan bagi kerjasama mobiliti pelajar dan juga Natural Wellness Holdings Sdn Bhd yang diwakili oleh Shanas Oli Mohamed bagi kerjasama industri.